

**PENGETAHUAN PEMAKANAN IBU BAPA
DENGAN KANAK-KANAK KECIL DI
KOTA KINABALU, SABAH**

CHIN WEI SHEN

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**LATIHAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS MAKANAN DENGAN KEPUJIAN
(SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN)**

**FAKULTI SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TUJUAN: PENGETAHUAN PEMAKANAN IBU BAPA DENGAN KANAK-KANAK KECIL
DI KOTA KINABALU, SABAH

JJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKANAN DENGAN KEPUIAN (SAINS MAKANAN & PEMAKANAN)

SESI PENGAJIAN: 2010/2011

NAMA: CHIN WEI SHEN

(HURUF BESAR)

Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah membenarkan tesis (LPS/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Chin Wei Shen

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Nurulain Binti Ismail

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 92, JALAN BANGAU,

TAMAN BUKIT RAJA, 41150,

KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN

DR. YASMIN OOI BENG HUI

Nama Penyelia

Tarikh: 21 JULAI 2014

Tarikh: 21 JULAI 2014

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampiran surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (L



PENGAKUAN CALON

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 JUN 2014



CHIN WEI SHEN
BN 10110026



PENGESAHAN


NAME : CHIN WEI SHEN
NOMBOR MATRIK : BN 10110026
TAJUK : PENGETAHUAN PEMAKANAN IBUBAPA
DENGAN KANAK-KANAK KECIL DI
KOTA KINABALU, SABAH
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKANAN
DENGAN KEPUJIAN
(SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN)
TARIKH VIVA : 2 JULAI 2014

DISAHKAN OLEH

TANDATANGAN


PENYELIA

(DR. YASMIN OOI BENG HOU)




PEMERIKSA PERTAMA

(PN. RAMLAH GEORGE @ MOHD. ROSLI)



PEMERIKSA KEDUA

(CIK. FAZLINI BINTI MOHD. FADZWI)



DEKAN

(PROF. MADYA DR. SHARIFUDIN MD. SHAARANI)



PENGHARGAAN

Penghargaan ingin disampaikan kepada kedua-dua ibubapa saya Chin Hon Chong dan Tan Sow Kuan yang telah memberi sokongan untuk membolehkan saya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti lalu menjalankan kajian tahun akhir ini. Sokongan moral dan kewangan juga diberi ibubapa saya untuk menyiapkan kajian ini dengan rintangan yang dihadapi diatasi dengan motivasi yang diberi ibubapa.

Secara peribadi juga saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia penyelidikan tahun akhir saya iaitu Dr Yasmin Ooi Beng Houi yang telah membimbing dan membantu saya lebih daripada tanggungjawab beliau sebagai seorang penyelia penyelidikan. Beliau meluangkan masa sehingga luar waktu kerja untuk membimbing dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dalam membuat penyelidikan saintifik dan penulisan saintifik. Saya turut amat bersyukur atas dedikasi, dorongan dan keikhlasan beliau dalam membimbing generasi muda dan ini menjadi pengajaran hidup yang penting kerana kesabaran, ketekalan dan keikhlasan amat diperlukan untuk membimbing.

Tanda kesyukuran dihulurkan kepada para pensyarah Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan dimana ilmu-ilmu yang diberi sepanjang tiga tahun amat berguna dalam menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini. Tidak dilupakan juga pihak pengurusan fakulti Pn. Dayang Intan, Cik Rinah dan staf lain yang bukan sahaja membantu dalam urusan surat-menyurat dan peminjaman alat-alat malah memberi sokongan positif dan kata-kata dorongan dalam melaksanakan projek penyelidikan dengan jayanya. Saya juga ingin berterima kasih kepada pemeriksa projek penyelidikan tahun akhir Pn. Ramlah George @ Mohd. Rosli dan Cik Fazlini Binti Mohd. Fadzwi yang telah memberi cadangan untuk memperbaiki lagi projek ini.

Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan fakulti seperjuangan saya; Charmaine Ho, Iandy Lim, Jack Lee, Khoo Jia Huey, Phoebe Cheong, Polyanne Ng dan Ong Tian Qi yang telah menyumbangkan tenaga, sumber seperti kenderaan dan meluangkan masa membantu dalam pengukuran ketinggian dan berat badan kanak-kanak. Rakan-rakan seperjuangan turut membantu dengan perbincangan ilmiah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penyelidikan.

Sekalung penghargaan turut diberi kepada pihak pengurusan dan guru-guru taska / tadika yang memberi kebenaran menjalankan penyelidikan di tempat mereka dan membantu dalam pengagihan borang kaji soal-selidik serta koordinasi kanak-kanak semasa pengukuran ketinggian dan berat badan dijalankan. Ibubapa kanak-kanak juga ingin saya ucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa mereka dan memberi kerjasama dalam menjawab borang kaji soal-selidik. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak yang telah memberi kerjasama dalam pengukuran ketinggian dan berat badan mereka. Akhir sekali, saya turut ingin memberi penghargaan kepada mereka yang telah membantu saya secara langsung atau pun tidak langsung tetapi tidak disebut dalam penghargaan.

Chin Wei Shen
(1 Jun 2014)

ABSTRAK

PENGETAHUAN PEMAKANAN IBU BAPA DENGAN KANAK-KANAK KECIL DI KOTA KINABALU, SABAH

Pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun di Kota Kinabalu diuji menggunakan borang kaji soal-selidik isi sendiri. Borang kaji soal-selidik merangkumi soalan berkaitan tabiat dan corak makan kanak-kanak mereka. Responden direkrut menggunakan persampelan rawak dari tujuh buah taska atau tadika. Tahap pengetahuan pemakanan dibahagikan kepada skor tertil. Berat-bagi-umur, tinggi-bagi-umur dan IJT-bagi-umur kanak-kanak diketahui daripada pengukuran tinggi dan berat badan mereka. Min skor pengetahuan adalah 46.5, yang terletak dalam tertil kedua. Terdapat korelasi signifikan antara skor pengetahuan pemakanan ibubapa dan kekerapan pengambilan makan tengahari kanak-kanak dalam satu minggu ($r_s = 0.140$, $p = 0.016$); dan kekerapan kanak-kanak mengambil minum pagi ($r_s = -0.127$, $p = 0.029$) dan minum petang ($r_s = -0.148$, $p = 0.011$) di luar rumah. Bagi pengambilan makanan kanak-kanak, terdapat korelasi signifikan antara skor pengetahuan pemakanan dan kekerapan pengambilan ikan, ayam, daging dan kacang ($r_s = 0.167$, $p = 0.004$); susu dan hasil tenusu ($r_s = 0.174$, $p = 0.003$); makanan berkarbohidrat ($r_s = 0.124$, $p = 0.033$); dan makanan segera ($r_s = -0.137$, $p = 0.018$). Terdapat juga korelasi signifikan antara skor pengetahuan pemakanan ibubapa dan pengelasan tahap status pemakanan kanak-kanak untuk berat-bagi-umur ($r_s = 0.168$, $p = 0.005$). Kesimpulannya, pengetahuan pemakanan ibubapa nampaknya mempunyai impak ke atas tabiat makan dan status pemakanan kanak-kanak.

ABSTRACT

NUTRITIONAL KNOWLEDGE OF PARENTS WITH YOUNG CHILDREN IN KOTA KINABALU, SABAH

Nutritional knowledge of parents with children aged 3 to 6 years in Kota Kinabalu was tested using self-administered questionnaire. The questionnaire included questions regarding their children's food habit and pattern. Respondents were recruited using random sampling from seven nurseries or kindergartens. Nutritional knowledge levels were categorized into tertiles of scores. Weight-for-age, height-for-age and BMI-for-age of children were determined from their height and weight measurements. Mean knowledge score was 46.5, which falls into the second tertile. There was significant correlation between parents' nutritional knowledge scores and children's frequency of lunch intake in a week ($r_s = 0.140$, $p = 0.016$); and children's frequency of eating out for morning tea ($r_s = -0.127$, $p = 0.029$) and evening tea ($r_s = -0.148$, $p = 0.011$). For children's food intake, there was significant correlation between parents' nutritional knowledge scores and frequency of consumption of fish, poultry, meat and legumes ($r_s = 0.167$, $p = 0.004$); milk and dairy products ($r_s = 0.174$, $p = 0.003$); foods rich in carbohydrate ($r_s = 0.124$, $p = 0.033$); and fast foods ($r_s = -0.137$, $p = 0.018$). There was also significant correlation between parents' nutritional knowledge scores and children's WFA nutritional status level classification ($r_s = 0.168$, $p = 0.005$). In conclusion, parents' nutritional knowledge seemed to have an impact on children's food habit and nutritional status level.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN KATA	xiv
SENARAI SIMBOL	xv
BAB 1: Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Hipotesis	3
1.3 Objektif	3
1.4 Pernyataan Masalah	3
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Persoalan Kajian	4
1.7 Rangka Konseptual	5



Bab 2:	ULASAN KEPUSTAKAAN	6
2.1	Pengetahuan	6
2.2	Pengetahuan Pemakanan	6
2.3	Pengetahuan Ibu Bapa Kanak-Kanak	10
2.4	Tabiat Makan Kanak-Kanak	13
2.5	Status Pemakanan Kanak-Kanak	17
2.6	Tahap Pendidikan dan Tahap Pekerjaan Ibu Bapa	20
BAB 3:	METODOLOGI	22
3.1	Reka Bentuk Kajian	22
3.2	Lokasi Kajian	22
3.3	Rangka Kajian	23
3.4	Saiz Sampel	23
3.5	Kriteria Pemilihan	25
	3.5.1 Inklusi	25
	3.5.2 Eksklusi	25
3.6	Penaksiran dan Instrumen Kajian	25
	3.6.1 Borang Soal-Selidik	26
	3.6.2 Pengkelasan Pengetahuan Pemakanan	27
	3.6.3 Pengukuran Ketinggian dan Berat Badan	28
	3.6.4 Pengkelasan Tahap Status Pemakanan	28
3.7	Analisis Statistik	32

BAB 4:	HASIL DAN PERBINCANGAN	33
4.1	Data Sosio-ekonomi Responden	33
4.2	Pengetahuan Pemakanan Ibubapa	36
4.2.1	Perkaitan Ciri-Ciri Sosioekonomi Tertentu dengan Pengetahuan Pemakanan Ibubapa	37
4.2.2	Perbezaan Min Skor Pengetahuan Pemakanan antara Etnik	38
4.2.3	Perbezaan Min Skor Pengetahuan Pemakanan antara Bapa dan Ibu	39
4.3	Tabiat dan Corak Pemakanan Kanak-Kanak	39
4.3.1	Tabiat Kanak-Kanak Tidak Makan Sarapan Pagi, Makan Tengahari Atau Makan Malam	40
4.3.2	Kekerapan Pengambilan Hidangan (<i>Meal</i>) Kanak-Kanak	42
4.3.3	Kekerapan Kanak-Kanak Makan Di Luar Rumah	43
4.3.4	Konsistensi Masa Makan Kanak-kanak	46
4.3.5	Individu yang Biasa Memutuskan Jenis dan Jumlah Makanan bagi Kanak-Kanak	49
4.3.6	Faktor Pertimbangan dalam Penyediaan dan Penghidangan Makanan kepada Kanak-Kanak	50
4.3.7	Kekerapan Pengambilan Jenis Makanan oleh Kanak-Kanak	52
4.3.8	Makanan Kegemaran Kanak-Kanak	55
4.3.9	Pengambilan Suplemen atau Ubat-ubatan oleh Kanak-Kanak	57

4.4	Status Pemakanan	58
4.4.1	Berat bagi umur (<i>weight-for-age</i>)	58
4.4.2	Ketinggian bagi umur (<i>Height-for-age</i>)	59
4.4.3	Indeks Jisim Tubuh bagi umur (<i>BMI-for-age</i>)	60
4.4.4	Perkaitan antara Pengetahuan Pemakanan Ibubapa dan Tahap Status Pemakanan Kanak-kanak	61
BAB 5	KESIMPULAN	63
5.1	Kesimpulan Kajian	63
5.2	Limitasi Kajian	65
5.3	Cadangan	66
RUJUKAN		68
LAMPIRAN		72
	Lampiran A	72
	Lampiran B	73
	Lampiran C	74
	Lampiran D	89
	Lampiran E	90
	Lampiran F	91
	Lampiran G	106
	Lampiran H	107
	Lampiran I	108

SENARAI JADUAL

- Jadual 2.1: Definisi indeks pemakanan (klasifikasi *Z score*) berdasarkan WHO 2007
- Jadual 2.2: Formula bagi mengira *Z-Score*
- Jadual 3.1: Formula bagi mengira saiz sampel (Formula Slovin)
- Jadual 3.2: Tahap pengetahuan pemakanan mengikut skor pengetahuan pemakanan
- Jadual 3.3: Tahap status pemakanan bagi indeks antropometri berat-bagi-umur
- Jadual 3.4: Tahap status pemakanan bagi indeks antropometri ketinggian-bagi-umur
- Jadual 3.5: Tahap status pemakanan bagi indeks antropometri ijt-bagi-umur
- Jadual 3.6: Ujian statistik bagi kajian spesifik
- Jadual 4.1: Data sosio-ekonomi ibubapa dengan kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu, Sabah
- Jadual 4.2: Tertil tahap pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu.
- Jadual 4.3: Skor pengetahuan pemakanan bagi responden dari pelbagai kumpulan etnik
- Jadual 4.4: Sebab-sebab kanak-kanak tidak makan semasa hidangan (*meal*)
- Jadual 4.5: Kekekapan kanak-kanak mengambil hidangan
- Jadual 4.6: Kekekapan kanak-kanak makan di luar rumah bagi hidangan
- Jadual 4.7: Konsistensi masa makan kanak-kanak bagi Isnin hingga Jumaat
- Jadual 4.8: Konsistensi masa makan kanak-kanak bagi Sabtu dan Ahad
- Jadual 4.9: Masa makan biasa kanak-kanak
- Jadual 4.10: Individu yang biasa memutuskan jenis dan jumlah makanan bagi kanak-kanak

SENARAI JADUAL

- Jadual 4.11: Faktor pertimbangan dalam penyediaan dan penghidangan makanan kepada kanak-kanak
- Jadual 4.12: Kekerapan pengambilan jenis makanan kanak-kanak
- Jadual 4.13: Makanan kegemaran kanak-kanak
- Jadual 4.14: Jenis suplemen dan ubat-ubatan yang diambil kanak-kanak
- Jadual 4.15: Peratus dan bilangan kanak-kanak mengikut tahap status pemakanan bagi indeks antropometri berat-bagi-umur
- Jadual 4.16: Peratus dan bilangan kanak-kanak mengikut tahap status pemakanan bagi indeks antropometri ketinggian-bagi-umur
- Jadual 4.17: Peratus dan bilangan kanak-kanak mengikut tahap status pemakanan bagi indeks antropometri IJT-bagi-umur

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1: Rangka Konseptual bagi Pengetahuan Ibu Bapa bagi Kanak-Kanak kecil

Rajah 2.1: Piramid Makanan Malaysia

SENARAI SINGKATAN KATA

MDG	Malaysian Dietary Guidelines
IJT	Indeks Jisim Tubuh
BMI	Body Mass Index
WHO	World Health Organisation
MOH	Ministry of Health (Malaysia)
SD	Standard Deviation
SP	Sisihan piawai
WFA	Weight-for-age

SENARAI SIMBOL

n	Saiz sampel
N	Saiz populasi
E	Jidar selisih (<i>margin of error</i>)
$\%$	Peratus
$-$	Tolak atau hingga
$+$	Tambah
\pm	Tambah Tolak
\div	Bahagi
\leq	Sama dengan dan kurang daripada
\geq	Sama dengan dan lebih daripada
$>$	Lebih daripada
$<$	Kurang daripada
$/$	Bahagi atau Atau

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu, Sabah ditentukan di dalam kajian ini. Kanak-kanak kecil dalam kajian ini merujuk kepada kanak-kanak Kota Kinabalu yang berada dalam julat umur antara tiga hingga enam tahun di mana di dalam Malaysia, tabiat makan kanak-kanak dipengaruhi paling banyak oleh ahli keluarga mereka (Poh *et al.*, 2012). Ini adalah kerana hidangan dan sajian kanak-kanak bergantung banyak pada persediaan hidangan dan pemberian makanan oleh orang dewasa.

Status pemakanan kanak-kanak kecil dipengaruhi banyak oleh pengambilan pemakanan mereka. Pemakanan yang mencukupi semasa peringkat umur bayi dan kanak-kanak adalah penting bagi kesihatan, pertumbuhan dan tumbesaran kanak-kanak (MOH, 2010). Ini adalah kerana masalah tumbesaran dan kekurangan mikronutrien boleh memberi kesan negatif jangka masa panjang kepada kanak-kanak dan pemakanan yang sewajarnya adalah penting bagi membendung perkara ini berlaku. Sesetengah komplikasi terutamanya pembantutan mungkin tidak dapat dipatah balik dan memberi kesan kepada tumbesaran dan perkembangan (Martorell *et al.*, 1994).

Pengambilan pemakanan kanak-kanak berkait rapat dengan tabiat dietari dan ini ditentukan ibubapa atau penjaga kanak-kanak. Disebabkan ini, pengetahuan pemakanan ibubapa memainkan peranan penting dalam menyemai tabiat makan yang betul dalam kanak-kanak. Kekurangan pemakanan, pembantutan tumbesaran dan masalah berkaitan pemakanan yang akut serta masalah jangka panjang kronik seperti obesiti, penyakit jantung koronari, diabetes jenis dua, dan strok boleh dielakkan dengan tabiat makan yang sihat semasa kanak-kanak (Vereecken dan Maes, 2010).



Tabiat makan sihat pada zaman kanak-kanak biasanya disemai di bawah pemantauan ibubapa yang mempunyai pengetahuan pemakanan yang mencukupi. Ini adalah selaras dengan penemuan (Vereecken dan Maes, 2010) di mana perkaitan yang positif antara markah dietari kanak-kanak dengan pengetahuan pemakanan dan sikap ibu ditemui. Dalam erti kata lain, pengetahuan dan maklumat berkaitan pemakanan yang betul boleh memperbaiki pengambilan dietari kanak-kanak manakala keadaan bertentangan adalah sebaliknya.

Pengetahuan pemakanan ibubapa dengan itu mempunyai peranan yang penting dalam memastikan status pemakanan menjadi lebih baik. Oleh itu, penting bagi ibubapa yang bekerja untuk mempunyai kesedaran dan pengetahuan pemakanan yang baik supaya mereka menyampaikan tabiat makan yang sihat meskipun kekangan masa yang dihadapi. Tanggungjawab ibubapa dalam memastikan kanak-kanak mendapat pemakanan yang secukupnya dapat mengurangkan masalah berkaitan pemakanan dalam negara ini.

Pengetahuan pemakanan yang baik membantu ibubapa merancang pengambilan makanan kanak-kanak mereka dari awal lagi biarpun mempunyai kekangan masa. Ibubapa dengan pengetahuan pemakanan yang tinggi berkemungkinan besar mengetahui kesan kekurangan pemakanan (*undernutrition*) dan pemakanan lampau (*overnutrition*). Ini memastikan pengambilan makanan kanak-kanak dipantau dan dijaga walaupun penjagaan kanak-kanak di bawah orang lain semasa ibubapa tidak dapat menjaga kanak-kanak. Biarpun kanak-kanak di bawah penjagaan orang lain semasa ibubapa tidak dapat menjaga, pemantauan pengambilan makanan kanak-kanak masih boleh dilakukan dengan memberi panduan tentang diet kanak-kanak dan masalah alergi yang dihadapi kanak-kanak kepada penjaga kanak-kanak. Ibubapa boleh sentiasa mendapat maklumat perkembangan keadaan kanak-kanak terkini tentang pengambilan makanan dan pemakanan kanak-kanak terutamanya pada zaman kini di mana teknologi menjadikan komunikasi lebih senang.

Pemahaman tahap pengetahuan pemakanan ibubapa dengan itu adalah diperlukan bagi menaksir perhatian yang diberi kepada tabiat makanan dan pengambilan makanan kanak-kanak. Dengan mengambil tahu perkara ini, kajian ini bertujuan mengetahui tahap pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil berumur dari tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu di mana populasi terdiri daripada pelbagai bangsa dan kumpulan etnik seperti Kadazan, Dusun, Bajau, Murut, Melayu, Cina dan India serta kumpulan bumiputera yang lain.

1.2 Hipotesis

Ibubapa dengan kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu, Sabah mempunyai tahap pengetahuan pemakanan yang sederhana.

1.3 Objektif

Objektif bagi kajian adalah:

- a. untuk menentukan pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu, Sabah.
- b. untuk menentukan perkaitan antara pengetahuan pemakanan ibubapa dengan tabiat dan corak pemakanan anak mereka.
- c. untuk menentukan perkaitan antara pengetahuan pemakanan ibubapa dengan tahap status pemakanan anak mereka.

1.4 Pernyataan Masalah

Pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil di Kota Kinabalu merupakan kajian yang diperlukan kerana kajian tentang pengetahuan pemakanan ibubapa di Kota Kinabalu yang terdapat kini adalah tidak mencukupi. Meskipun sekiranya terdapat kajian lepas yang berkait dengan tajuk kajian ini, kajian tersebut tidak dikemaskini jika dibandingkan dengan kajian ini yang dijalankan. Tambahan pula, kejahilan dalam topik ini akan membawa kepada pemahaman yang kurang tentang perkaitan antara ibubapa, tahap pengetahuan pemakanan mereka dan tabiat makan dietari serta pengambilan pemakanan kanak-kanak kecil mereka.

Pemahaman yang kurang akan isu ini pula akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada status pemakanan kanak-kanak kerana tindakan menjadi terlambat untuk mengelakkan masalah berkaitan pemakanan dalam kanak-kanak kecil di Kota Kinabalu sekiranya adalah didapati masalah tersebut adalah berpunca daripada pengetahuan pemakanan yang tidak mencukupi dalam kalangan ibubapa. Oleh itu, status pengetahuan pemakanan ibubapa seharusnya diketahui lebih awal bagi membolehkan kajian masa depan berkenaan perkaitan pengetahuan pemakanan ibubapa dengan status pemakanan kanak-kanak mereka. Usaha-usaha ini kemudiannya membantu dalam merangka strategi bagi mengurangkan masalah berkaitan pemakanan yang wujud disebabkan kekurangan pengetahuan pemakanan dalam ibubapa melalui program intervensi seperti pendidikan pemakanan.


1.5 Kepentingan Kajian

Kajian pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil di Kota Kinabalu menentukan tahap pengetahuan pemakanan yang terdapat dalam ibubapa. Kajian ini penting kerana keputusan yang diperolehi memberi unjuran kasar tentang tabiat pemakanan dan pengambilan pemakanan kanak-kanak di Kota Kinabalu. Ini memberi gambaran status pemakanan kanak-kanak di Kota Kinabalu. Kajian ini menjadi langkah pertama bagi membendung status pemakanan yang tidak diingini dengan mengetahui lebih awal puncanya terutamanya jika disebabkan kekurangan pengetahuan pemakanan ibubapa. Ini menjimatkan masa kerana strategi yang sesuai dapat dirangka dengan lebih awal untuk mengurangkan masalah tersebut sekiranya punca masalah diketahui. Strategi-strategi ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti program intervensi pendidikan bagi meningkatkan tahap pengetahuan pemakanan ibubapa.

1.6 Persoalan Kajian

Apakah tahap pengetahuan pemakanan ibubapa dengan kanak-kanak kecil berumur tiga hingga enam tahun di Kota Kinabalu, Sabah?

1.7 Rangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Rangka Konseptual bagi Pengetahuan Ibubapa bagi Kanak-Kanak kecil.

BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan sesuatu aspek membezakan seorang pakar dengan seorang yang jahil. Dalam erti kata lain, orang yang mempunyai pengetahuan yang lebih luas dikatakan mengetahui maklumat yang lebih daripada yang memiliki pengetahuan cetek (Worsley, 2002). Pengetahuan membantu manusia menjelaskan aspek-aspek dunia yang penting dan memberi peluang untuk meramal sesuatu kejadian lantas memenuhi keperluan manusia bagi konsistensi kognitif atau kebolehamalan (Worsley, 2002). Faktor yang mempengaruhi pengetahuan termasuk pengalaman dan perkara yang mempengaruhi pengalaman tersebut seperti kumpulan sosial, kumpulan yang menjadi model peranan dan juga persekitaran fizikal dan biologikal.

Pakar psikologi telah membezakan dua jenis pengetahuan utama iaitu pengetahuan penyata dan pengetahuan prosedur. Pengetahuan penyata adalah pengetahuan yang berkait dengan kesedaran akan "apa itu" benda-benda dan proses-prosesnya yang dikaji. Pengetahuan prosedur pula adalah lebih kepada pengetahuan bagi mengetahui "bagaimana" melaksanakan sesuatu perkara (Worsley, 2002).

2.2 Pengetahuan Pemakanan

Pengetahuan pemakanan merupakan konstruk saintifik yang telah diwujudkan pendidik pemakanan bagi mewakili proses kognitif individu yang berkait dengan makanan dan pemakanan (Axelson dan Brinberg, 1992). Konstruk ini memainkan peranan penting dalam pendidikan pemakanan kerana terdapat satu tanggapan di bawah maklumat pemakanan di mana peningkatkan pengetahuan individu tentang makanan dan pemakanan akan membawa perubahan yang diinginkan dalam sikap berkaitan makanan.



Menurut Worsley (2002), contoh bidang pemakanan yang pengguna digalakkan tahu adalah seperti:

- a. Kandungan tenaga dalam makanan
- b. Fungsi lemak
- c. Sumber vitamin dan mineral
- d. Sumber fitokimia
- e. Hubung kait antara penghasilan makanan dengan ekologi dan pengkelan


Parmenter dan Wardle (2000) pula mengkategorikan pengetahuan pemakanan kepada 5 bahagian iaitu:

- a. Pemahaman istilah pemakanan (contoh: serat dan kolesterol)
- b. Kesedaran tentang cadangan dietari
- c. Pengetahuan sumber makanan berhubung nasihat (jenis nutrien dalam makanan)
- d. Pemilihan makanan
- e. Kesedaran tentang perkaitan di antara penyakit dan diet.

Garis Panduan Diet Malaysia 2010 merupakan rujukan utama dalam pengesahan maklumat pemakanan yang terdapat bagi mengetahui pengetahuan pemakanan seseorang. Garis Panduan khas bagi kanak-kanak dan remaja juga didapati berguna bagi dirujuk ibubapa untuk mengetahui keperluan pemakanan kanak-kanak. Pengetahuan makanan yang digunakan dalam latar negara ini harus berpandukan Garis Panduan Diet Malaysia 2010 kerana ianya dibuat berdasarkan keperluan dan gaya hidup rakyat negara ini. Dalam Garis Panduan Diet Malaysia 2010 juga terdapat cadangan pemakanan mengikut Panduan Piramid Makanan Malaysia.

Panduan Piramid Makanan Malaysia merupakan alat visual yang digunakan sebagai panduan dalam membantu menghasilkan diet pemakanan yang lebih sihat. Ianya dihasilkan sebagai panduan untuk menjadi rangka dirujuk bagi jenis dan jumlah makanan yang boleh dimakan dalam kombinasi untuk menghasilkan diet yang sihat. Piramid makanan mempunyai beberapa tahap yang mewakili kumpulan

makanan berbeza. Setiap kumpulan makanan dalam piramid makanan telah ditunjukkan jumlah sajian sehari daripada setiap kumpulan. Saiz sajian bagi setiap kumpulan makanan menjadi lebih kecil apabila naik dari bawah ke atas pyramid makanan. Ini menunjukkan seseorang individu dinasihatkan mengambil makanan yang lebih bagi makanan yang berada di bawah piramid makanan berbanding dengan makanan di atas piramid makanan (MOH, 2010).



Rajah 2.1: Piramid Makanan Malaysia

Sumber: Panduan Diet Malaysia bagi Kanak-Kanak dan Remaja (Kementerian Kesihatan Malaysia 2013)

RUJUKAN

- Ahmad Ali, Z., Rusidah Selamat, Azli Baharudin, Suhaila Abdul Ghaffar, Norsyamline Che Abdul Rahim dan Tahir Aris. 2013. Nutritional status of Malaysian primary school children aged 8-10 years: findings from the 2008 National IDD survey. *Malaysian Journal of Nutrition*. **19**(2): 149-161.
- Ali Al-Shookri, Layla Al-Shukaily, Fouad Hassan, Sadeq Al-Sheraji dan Saif Al-Tobi. 2011. Effects of mothers nutritional knowledge and attitudes on Omani children's dietary intake. *Oman Medical Journal*. **26**(4): 253-257.
- Amosu A.M., Degun A.M., Atulomah N.O.S., dan Olanrewju M.F. 2011. A study of the nutritional status of under-5 children of low-income earners in a south-western Nigerian community. *Journal of Biological Sciences*. **3**(6): 578-585.
- Arokiasamy, J.T. 1990. Nutritional problems of Malaysian children and approaches taken to overcome them. *Asia-Pacific Journal of Public Health*. **4**(1): 65-71.
- Axelsson, M. L. dan Brinberg D. 1992. The measurement and conceptualization of nutritional knowledge. *Journal of Nutrition Education*. **24**(5):239-246.
- Chee, H.L., Khor, G.L., Fatimah, A., Wan Abdul Manan, W.M., Mohd Nasir, M.T., Nik Shanita, S., Norimah, A.K., Norlela, M.H., Normah, H., Poh, B.K. dan Rokiab, M.Y. 2002. Nutritional Assessment of pre-school children of rural villages of the family dynamics, lifestyles and nutrition study (1997-2001). *Malaysian Journal of Nutrition*. **8**(1): 13-31.
- Chen, S.T., Soo, K.L., Azriani, A.R., Rostenberghe, V.H. and Sakinah, H. 2012. Nutrition knowledge, attitude dan practice of teachers in rehabilitation centres in northern Malaysia. *Malaysian Journal of Nutrition*. **18**(2): 185-205.
- Clark, H.R., Goyder, E., Bissell, P., Blank, L., dan Peters, J. 2007. How do parents' child-feeding behaviors influence child weight? Implications for childhood obesity policy. *Journal of Public Health*. **29**(1): 132-141.
- Department of Statistics, Malaysia. 2010. *Total population by age group, administrative district and state, Malaysia; Kota Kinabalu, Sabah*. Department of Statistics, Malaysia.
- Farhanah Suhaimi dan Naleena Devi M. 2012. The association of maternal employment status on nutritional status among children in selected kindergartens in Selangor, Malaysia. *Asian Journal of Clinical Nutrition*. **4**(2): 53-66.
- Frost M.B., Forste R., dan Haas D.W. 2005. Maternal education and child nutritional status in Bolivia: finding the links. *Social Science and Medicine*. **60**: 395-407.

- Kandiah, M., Zalilah, M.S., Chan, Y.M. dan Hazizi, A.S. 2007. *Handbook on nutritional assessment methods*. Selangor: August Publisher.
- Khor, G.L., Noor Safiza, M.N., Rahmah, R., Jamaluddin, A.R., Kee, C.C., Geeta, A., Jamaiyah, H., Suzana, S., Wong, N.F., Ahmad Ali, Z., Ruzita, A.T. dan Ahmad Faudzi, Y. 2008. The third national health and morbidity survey (NHMS III) 2006: nutritional status of children aged 0 to below 18 years. *Malaysian Journal of Nutrition*. **14**(2) (Supplement): S5-S6.
- Lee Pei Hwa. 2010. *Development of a validated nutritional knowledge questionnaire*. Tesis sarjana Muda. Universiti Malaysia Sabah.
- Lew, T.S.Y. 2006. *Prevalence dan factors influence overweight and obesity among preschoolers (4-6 years old) in Bangi and Kajang (dissertation)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Martorell, R, Kettel Khan, L. dan Schroeder, D.G. 1994. Reversibility of stunting: epidemiological findings in children from developing countries. *European Journal of Clinical Nutrition*. **4**(1): 45-57.
- MOH. 2008. *Garis Panduan Pemberian makanan bayi dan kanak-kanak kecil*. Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ministry of Health Malaysia, Putrajaya.
- MOH. 2009. *Research priority area 1, infant feeding and complementary feeding practices*. nutrition research priorities in Malaysia – for the 10th Malaysia plan (2011-2015). Ministry of Health, Malaysia, Putrajaya.
- MOH. 2010. *Malaysian Dietary Guidelines, Key Message 12- practice exclusive breastfeeding from birth until six months and continue to breastfeed until two years of age*. Ministry of Health Malaysia, Putrajaya.
- MOH. 2010. *Malaysian Dietary Guidelines, Key Message 1-Eat a variety of foods within your recommended intake*. Ministry of Health Malaysia, Putrajaya.
- MOH. 2013. *Malaysian Dietary Guidelines for children and adolescence*. Ministry of Health Malaysia, Putrajaya.
- Muhammad Faiz, A.A. dan Naleena Devi M. 2012. Nutritional status and eating practices among children aged 4 – 6 years old in selected urban and rural kindergarten in Selangor, Malaysia. *Asian Journal of Clinical Nutrition*. **4**(4): 116-131.
- Nicklas, T.A., Demory-Luce, D., Yang, S.J., Baranowski, T., Zakeri I. dan Berenson, G. 2004. Children's food consumption patterns have changed over two decades (1973-1994): The Bogalusa Heart Study. *Journal of American Dietetic Association*. **104**: 1127-1140.

- Noor Azimah Muhammad, Khairaini Omar, Shamsul Azhar Shah, Leelavathi Muthupalaniappen dan Fatimah Arshad. 2008. Parental perception of their children's weight status, and its association with their nutrition and obesity knowledge. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*. **17**(4): 597-602.
- Norimah A.K., Nik Shanita S., Safiah Mohd Yusof, Norazliana Mohd Noor dan Tee E.S. 2008. Nutrition knowledge among Malaysian elderly. *Journal of Malaysian Health Sciences*. **6**(2):43-54.
- Norshahida Adnan dan Naleena Devi M. 2012. The relationship between mother's educational level and feeding practices among children in selected kindergartens in Selangor, Malaysia: a cross sectional study. *Asian Journal of Clinical Nutrition*. **4**(2):39-52.
- Osei A., Pandey P., Spiro D., Nielson J., Shrestha R., Talukder Z., Quinn V., dan Haselow N. 2010. Household food insecurity and nutritional status of children aged 6 to 23 months in Kailali district of Nepal. *Food and Nutrition Bulletin*. **31**(4): 483-494.
- Pagoso, Cristobal M. 1992. *Fundamental Statistics*. Manila: SINAG-TALA Publishers, Inc.
- Parmenter, K. dan Wardle, J. 2000. Development of a general nutrition knowledge questionnaire for adults. *European Journal of Clinical Nutrition*. **53**: 298-308.
- Poh, B.K., Tham, B.L., Wong, S.N., Chee, S.S. dan Tee, E.S. 2012. Nutritional status, dietary intake patterns and nutritional knowledge of children aged 5-6 years attending kindergartens in the Klang Valley, Malaysia. *Malaysian Journal of Nutrition*. **18**(2): 231-242.
- Rugayah Issa, Foong, K. H., dan Tan, B. L. 2008. Development of booklets on nutrition and health of preschoolers and adolescents in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. *Malaysian Journal of Nutrition*. **14**(2) (Supplement): S33 – S34
- Savage, J.S., Fisher, J.O. dan Birch, L.L. 2007. Parental influence on eating behavior: conception to adolescence. *Journal of Law, Medicine and Ethics*. **35**(1): 22-34.
- Seppa, H., Abrahamssona, L., Lennerna, M., Junbergerb, S. dan Risvika, E. 2001. The contribution of food groups to the nutrient intake and food pattern among pre-school children. *Food quality and Preference*. **13**: 107-116.
- Shamsul, A.Z.B., Sharifah A.H., Laily P., Jariah M dan Asma A. 2008. Food consumption survey: Food away from home among households in Klang Valley. *Malaysian Journal of Nutrition*. **14**(2) (Supplement): S51.
- Storfer-Isser, A. dan Musher-Eizenmen, D. 2013. Measuring parent time scarcity and fatigue as barriers to meal planning and preparation: quantitative scale development. *Journal of Nutrition Education and Behavior*. **45**: 176- 182.

- Thombs, D.L., Mahoney, C.A. dan McLaughlin, M.L. 1998. Expentancies, self-esteem, knowledge and adolescent weight reduction behavior. *Journal of Nutrition Education*. **30**(2): 107-113.
- Vereckeen Carine dan Maes Lea. 2010. Young children's dietary habits and associations with the mothers' nutritional knowledge and attitudes. *Appetite*. **54**: 44-51.
- Vereecken Carine, Rovner Alisha dan Maes Lea. 2010. Associations of parenting styles, parental feeding practices and child characteristics with young children's fruit and vegetable consumption. *Appetite*. **55**: 589-596.
- Wardle, J., Parmenter, K. dan Waller, J. 2000. Nutrition knowledge and food intake. *Appetite*. **34**: 269-275.
- Whitney, E. dan Sizer, F. 2007. *Nutrition Concept and Controversies*. Edisi 7. California: West/Wadsworth.
- World Health Organisation (WHO). 1995. *Physical Status: The use and interpretation of anthropometry*. World Health Organization: Geneva.
- World Health Organisation (WHO). 1997. *WHO global database on child growth and malnutrition*. World Health Organization: Geneva.
- Worsley, A. 2002. Nutrition knowledge and food consumption: can nutrition knowledge change food behavior? *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*. **11**(Suppl): S 579-S 585.
- Zalilah Mohd Shariff, Bond J. T. dan Nan E. Johson. 2000. Nutritional status of primary school children from low income households in kuala lumpur. *Malaysian Journal of Nutrition*. **6**: 17-32.
- Zarnowiecki D., Sinn N., Petkov J. dan Dollman J. 2011. Parental nutrition knowledge and attitudes as predictors of 5 – 6 year old children's health food knowledge. *Public Health Nutrition*. **15**(7): 1284-1290.
- "MOH (2013) National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2011 Fact Sheet"
(atas talian)
<http://www.moh.gov.my/images/gallery/GarisPanduan/NHMS%202011%20FACT%20SHEET.pdf>. Dicetak 5 Oktober 2013.
- "WHO (2006) child growth standards"
(atas talian)
<http://www.who.int/childgrowth/standards/en/>. Dicetak 5 Oktober 2013.
- "WHO (2007) growth reference data for 5 – 19 years old"
(atas talian)
<http://www.who.int/growthref/en/>. Dicetak 5 Oktober 2013.